



TVET pacu daya saing tenaga kerja

Bagi mencapai impian menjadi negara maju berpendapatan tinggi dengan acuan sendiri kita memerlukan tenaga kerja tempatan yang berdaya saing dan berkualiti tinggi. Sudah semestinya kita tidak mahu lagi bergantung harap kepada pekerja asing untuk memajukan negara. Justeru, langkah kerajaan untuk memperkasakan dan menjadikan semula sistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) adalah satu pendekatan yang amat wajar dan signifikan.

Hakikatnya kita perlu mengorak langkah ke hadapan untuk melihat hala tuju landskap dan pembangunan negara dalam pelbagai sektor sekurang-kurangnya untuk tempoh 20 atau 30 tahun yang akan datang. Kita sedar bukan mudah untuk mencapai dan mengekalkan status negara maju berpendapatan tinggi, namun usaha dan langkah ke arah itu perlu dimulakan dari peringkat akar umbi lagi.

Dalam konteks ini inisiatif melatih anak muda tempatan untuk mahir dalam pelbagai bidang teknikal dan vokasional adalah sangat mustahak. Hal ini kerana kelompok anak muda inilah bakal memacu dan meneruskan kegemilangan negara ini pada masa akan datang. Kita juga perlu mengambil peluang dan membuat perancangan rapi supaya secara perlahan-lahan kita dapat mengurangkan

pergantungan negara kita terhadap tenaga kerja asing yang terpaksa kita bawa masuk bagi memenuhi keperluan pasaran kerja tempatan. Baru-baru ini Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan lima lonjakan bagi mentransformasikan sistem TVET agar benar-benar berupaya menjadi agen perubahan dalam meningkatkan daya saing tenaga kerja tempatan serta ekonomi negara. Kita yakin langkah kerajaan ini dapat memastikan TVET menjadi pembekal tenaga kerja mahir negara sekali gus dapat menggantikan peranan pekerja asing.

Melalui lonjakan pertama, kerajaan akan melatih serta meningkatkan tenaga mahir tempatan secara berterusan daripada 28 peratus ketika ini kepada 35 peratus menjelang 2020 agar mereka menjadi kompetitif, berpeluang memiliki pekerjaan dan memperoleh pendapatan yang lumayan.

Kerajaan juga merancang melatih sehingga 300,000 rakyat Malaysia daripada golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) mulai sekarang hingga 2025. Lonjakan kedua pula bakal membentuk sinergi dalam membangunkan tenaga kerja berkemahiran dengan cara

memperkuuh dan memperhebatkan lagi kerjasama strategik awam-industri.

Kerjasama strategik sebegini diyakini mampu menjadi platform terbaik kepada rakyat untuk dilatih menjadi tenaga kerja mahir dalam pelbagai bidang kritis yang diperlukan oleh industri dan juga negara.

Selanjutnya untuk lonjakan ketiga, kerajaan akan memberi fokus supaya melahirkan lulusan TVET dalam bidang perniagaan dan teknousahawan agar mereka bukan saja mampu mewujudkan peluang pekerjaan, tetapi menjadi ikon kepada tenaga kerja tempatan selain berkebolehan bersaing di pentas antarabangsa.

Bagi lonjakan keempat pula iaitu melaksanakan program geran padanan, kerajaan memperuntukkan RM20 juta dalam Bajet 2017, di mana peruntukan kewangan diberikan pada nilai yang setara dengan nilai sumbangan diterima daripada pihak industri melibatkan program TVET berimpak tinggi. Manakala lonjakan kelima akan menjadikan institusi TVET melalui TVET Malaysia yang mana menyaksikan semua institusi TVET di bawah pelbagai kementerian akan bersatu dan bergabung tenaga sebagai kerjasama unggul lagi bersepadan bagi melatih anak muda untuk menjadi tenaga kerja teknikal yang berkemahiran tinggi.

Penulis yakin kelima-lima lonjakan yang diumumkan ini hadir tepat pada masanya bagi

melahirkan tenaga kerja tempatan yang diperlukan oleh industri dan negara bagi mengharungi fenomena Revolusi Industri 4.0 yang sedang hangat diperdebatkan di seluruh dunia. Sudah semestinya kita tidak mahu negara dan juga tenaga kerja tempatan ketinggalan untuk terus bersaing dalam era revolusi industri seperti ini.

Hakikatnya kita perlu pastikan jenis guna tenaga yang bagaimana diperlukan oleh industri dan negara serta yang hendak kita lahirkan. Hal ini penting kerana kita perlu melahirkan tenaga kerja yang diperlukan oleh pasaran dan bukannya sejumlah lulusan TVET yang tidak dapat memberikan sumbangan mengikut keperluan dan kepentingan industri semasa dan juga akan datang.

Untuk itu kita perlu memastikan pengisian dan pengolahan silibus pendidikan dan latihan yang diajar dalam setiap program TVET sentiasa terkini dan memenuhi keperluan pasaran tempatan dan juga piawai antarabangsa. Malah bidang latihan yang ditawarkan juga perlu disemak dan dijenamakan semula secara menyeluruh supaya ia terus relevan di samping dapat menarik minat anak muda negara ini untuk menyertainya.

Dalam konteks ini kerjasama strategik awam-industri yang bakal dibina melalui lonjakan kedua sepatutnya menjadi nadi dan tulang belakang hala tuju sistem TVET di negara kita. Perkara ini kerana melalui kerjasama tersebut kita

boleh dapatkan input, maklum balas dan cadangan daripada pihak industri secara berterusan mengenai ekspektasi mereka terhadap graduan TVET yang bakal kita lahirkan. Malah industri juga dapat dilibatkan secara aktif untuk melatih kelompok pelajar secara praktikal.

Dalam pada itu kita juga harap dengan adanya lima lonjakan ini ia mampu membantu mengubah imej bidang TVET serta persepsi masyarakat terhadap sistem TVET yang selama ini dilihat sebagai sistem pendidikan kelas kedua ataupun tempat latihan kepada pelajar yang kurang menyerlah dalam bidang akademik. Pada masa ini masyarakat terutama ibu bapa masih melihat sistem TVET sebagai pilihan terakhir apabila sudah tidak ada lagi peluang yang lebih baik kepada anak mereka.


Untuk itu pihak kerajaan juga perlu melaksanakan inisiatif tambahan supaya dapat menarik minat anak muda dan juga ibu bapa mereka mengikuti TVET bagi kelangsungan masa depan masing-masing. Ini boleh dilakukan melalui penjenamaan

semula bidang latihan yang ditawarkan di samping sesi promosi dan penerangan yang lebih efektif tentang peluang yang ditawarkan serta boleh diperoleh oleh graduan TVET.

Ringkasnya kita perlu meyakinkan belia dan masyarakat betapa TVET mempunyai masa depan yang cerah dan lulusan TVET bakal menjadi tulang belakang dalam mengemudi negara ini menjadi negara maju berpendapatan tinggi.

Jadi kita berharap kelima-lima lonjakan yang diumumkan oleh kerajaan ini dapat diperhalusi dan diperincikan secara serius sekali gus dilaksanakan mengikut tempoh masa ditetapkan. Semoga sistem TVET dapat terus memacu daya saing tenaga kerja tempatan.

**Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia**



Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

